

KEABSAHAN PENGGUNAAN NAMA ALLAH SWT : 'URUF, FATWA DAN PERUNDANGAN

Zulkifli Mohamad al-Bakri¹
Lukmanul Hakim Hj. Hanafi²



ABSTRACT

In early 2009, the word Allah S.W.T was very attracting by all Malaysia society. This issue is between civil court and constitution of Malaysia and also the fatwa that have been announced by Majlis Jawantankuasa Fatwa Kebangsaan and half of states in Malaysia. Because of the issue, there are several people who have an authority tried to translate the meaning of constitution or the related act. Besides, the Muslim scholars also have the different opinion about the issue. The result, The Council of Rules has suggested to settling this issue very well. In order to prove that the name of Allah is only for Muslim, this article will discussed about the issue in every aspect such as language, uruf, the mind logical, fatwa and also from the side of law itself.

ABSTRAK

Pada awal tahun 2009, masyarakat Malaysia dikejutkan dengan isu penggunaan kalimah Allah SWT Isu ini seperti tarik “tali” antara mahkamah sivil dengan perlembagaan Malaysia di samping fatwa

¹ Karyawan Tamu Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) merangkap Ahli Majlis Fatwa Negeri Sembilan dan Terengganu.

² Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia merangkap Penyelaras Seminar dan Wacana, Unit Politik, Kemasyarakatan dan Isu Semasa, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD).

yang dikemukakan oleh Majlis Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan sebahagian negeri di Malaysia. Ini menyebabkan mereka yang berautoriti menafsirkan maksud perlembagaan atau akta yang berkaitan, dan yang menjadi lebih parah lagi apabila cendekiawan Islam juga berkhilaf dalam isu ini. Natijahnya, Majlis Raja-raja mencadangkan supaya isu ini diselesaikan dengan sebaik mungkin. Artikel ini akan membincangkan Keabsahan Penggunaan Nama Allah S.W.T dari pelbagai sudut, sama ada dari kaedah bahasa, uruf, logik akal, fatwa dan perundangan bagi membuktikan nama Allah SWT hanya untuk Umat Islam.

PENDAHULUAN

Setelah mahkamah memutuskan bahawa pihak gereja Herald Catholic boleh menggunakan kalimah Allah, ia menyebabkan umat Islam, NGO Islam dan masyarakat sama ada umara' atau `ulama' senada dalam isu ini di mana mereka menunjukkan ketidakpuasan hati dan kurang senangnya dengan keputusan yang dibuat oleh mahkamah sehingga Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan juga Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengemukakan rayuan dan telah dipertimbangkan buat sementara waktu untuk menggantung penggunaan kalimah Allah bagi gereja. Betapa seriusnya hal ini sehingga Perdana Menteri telah menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, begitu juga dicadangkan supaya ia dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja. Ke Bawah DYMM Sultan Selangor telah menitahkan supaya kalimah Allah tidak boleh dipandang enteng dan merupakan hal yang besar serta eksklusif untuk orang Islam.

DARIPADA BAHASA DAN ISTILAH

Perkataan Allah telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam buku *Isu Kalimah Allah*. Justeru, di sini hanya disebutkan tambahan daripada maksud Allah oleh pendapat sebahagian ulama. (al-Bakri,2009:11-14).

Satu persoalan yang mungkin perlu diberi jawapan. Adakah lafaz Allah daripada bahasa Arab atau beberapa bahasa Simitik yang mempunyai pertalian dengan bahasa Arab, yang mana turut menggunakan kalimah Allah ketika merujuk kepada Tuhan seperti *Eloha* dalam bahasa *Aramaic* dan *Elohim* dalam bahasa *Ibrani*?

Terdapat dua pandangan dalam perbahasan isu ini; pertama: (al-Bakri, 2010:19) Al-Balkhi berpendapat bahawa ia bukan berasal dari bahasa Arab, tetapi bahasa Ibrani atau Siryani yang telah di Arabkannya menjadi Lahan, maknanya yang mempunyai kudrat, sedangkan al-Alusi pula berkata: Tiada dalil yang menunjukkan begitu dan tidak membawa ke arah itu, begitu juga penggunaan orang Yahudi dan Kristian bukan menjadi dalil kerana boleh jadi berlaku persamaan bahasa berkenaan dengan ketuhanan.

Kedua: Mengikut pendapat ulama' muktabar bahawa lafaz Allah adalah daripada bahasa Arab. Inilah pendapat Imam al-Syafie, Muhammad Ibn al-Hasan, Imam al-Asy'ari dan ramai sahabatnya, al-Khattabi, Imam al-Haramain, Imam al-Ghazali, Imam Fakhr al-Razi dan kebanyakan ahli usul dan feqah. Begitu juga dinukilkan daripada pilihan al-Khalil, Sibawayh, al-Mazini dan Ibn Kisan bahawa lafaz Allah adalah dari bahasa Arab dan nama pada asalnya untuk zat-Nya sahaja.

Al-Imam Fakhr al-Din al-Razi (m.606 Hijrah) menurut beliau, inilah pandangan al-Khalil Al-Sibaweh dan ia disokong oleh kebanyakan ulama' usul dan fuqaha. Al-Razi berhujah bahawa sekiranya Allah itu nama terbitan (mushtaqqa) pastilah ia boleh digunakan bagi merujuk kepada yang lain dari Allah. Jika ini diterima kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ tidak lagi menjadi kalimah tauhid kerana lafaz Allah tidak lagi merujuk kepada zat Allah semata-mata bahkan terbuka kepada yang lain dari-Nya juga. Oleh kerana disepakati oleh setiap yang berakal bahawa لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ adalah kalimah tauhid, maka jelaslah pada kita bahawa kalimah Allah adalah Nama Khas yang merujuk kepada zat-Nya yang Maha Tinggi. (al-Alusi, 1999: 700)

Kalimah ini tergolong dalam kategori al-A'lam al-Qasdi iaitu nama diberikan dengan sengaja lagi khusus bagi merujuk kepada sesuatu zat berbeza dengan al-A'lam al-Ittifaqi yang merupakan nama yang umum digunakan melalui persepakatan ramai hasil kebiasaan. Kalimah ini digelar al-Isim al-Murtajal, iaitu suatu lafaz yang diberikan bagi merujuk kepada suatu makna tanpa sebarang kaitan antara keduanya yang memberikan nama itu pastilah Allah sendiri melalui Tanzil-Nya kepada para Rasul, bermula dari Nabi Adam, sebagaimana firman-Nya, di dalam Surah al-Baqarah, ayat 31-32:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٥١﴾ قَالُوا سُبْحٰنَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: Dan ia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu ia berfirman: “Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.” Malaikat itu menjawab: “Maha Suci Engkau (Ya Allah)! Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah yang Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Ayat ini jelas menyatakan bahawa Allah telah mengajar Nabi Adam tentang semua nama, dan tiada sebab untuk kita mengatakan itu tidak termasuk nama-nama-Nya sendiri ia juga menyatakan pengakuan Malaikat bahawa tidak mungkin mereka boleh mengetahui nama-nama itu tanpa tunjuk ajar dari Allah SWT sendiri. Berdasarkan ayat ini kita boleh menolak hujah yang mengatakan bahawa kalimah Allah merupakan kata terbitan. Hujah itu tidak boleh diterima kerana ia mengandaikan bahawa Allah itu asalnya tidak bernama dan manusialah yang memberikan-Nya nama pada suatu ketika dalam sejarah. Maha Suci Allah dari yang demikian itu!.

ASAL PERKATAAN ALLAH DAN MAKSUDNYA

Pertama: Bahasa Arab

Al-Alusi dalam *Ruh al-Ma’ani* berkata: “Asalnya dari *I’lali* ialah *ilah* seperti dalam *al-Sihah* atau *al-Ilalah*, seperti dalam *al-Kasyaf* yang kedua-duanya mempunyai hujah.” (al-Alusi, 1999: 700)

Al-‘Allamah al-Sa’d berkata: “Sesungguhnya Tuhan atau *ilah* adalah nama yang difahami secara keseluruhan (*kulli*) yang disembah dengan sebenarnya sedangkan Allah adalah *ism alam* bagi zat-Nya.” (Said, T.t: 49).

Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam *Usul al-Iman wa al-Islam* berkata: “Allah bermaksud bahawa Dia Maha Berkuasa atas segala makhluk-Nya dan bahawa dia tidak melakukan sesuatu kecuali mengikut

kehendak-Nya. Dan bahawa Dia Maha Menguasai dan Maha Perkasa yang tidak boleh dikalahkan oleh sesiapa pun dan bahawa Dia Maha Berkuasa yang tidak boleh dilawan dan di atasi dan tidak sah taklif kecuali apa yang datang daripadaNya” (al-Zuhaili, 2008:67).

Syeikh Abdullah Sirajuddin berkata: “Allah ialah *ism alam* (nama khas) kepada zat yang Maha Sempurna iaitu Allah SWT sedangkan makhluk ialah sifat yang mungkin ada dan dia adalah selain daripada Allah SWT” (Sirajuddin, 2000: 21).

Allah ialah *ism alam* yang menunjukkan atas zat di mana semua nama Allah yang mulia terhimpun pada Allah. Allah ialah nama-Nya yang Maha Agung (Sirajuddin, 2000: 21).

Al-Khazin dalam *Tafsirnya* berkata: “Allah ialah nama khas bagi Allah yang bersifat Tunggal dan Esa, tiada *musytaq* (terbitan) dan tidak disekutukan oleh sesuatu” (al-Bakri, 2010:21).

Dalam *Tafsir Hadaiq al-Rauh al-Raihan* menyebut: Allah maknanya yang berhak diibadat, tidak kepada yang lain” (al-Bakri, 2010:21).

Kedua: Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merujuk kepada Bangsa Melayu. Rumpun Bangsa Melayu adalah sinonim dengan Agama Islam. Berdasarkan kepada bukti sejarah dan artifak jelas menunjukkan bahawa Tanah Melayu telah menerima Islam sejak abad ke-7, 8 dan 9. Ini terbukti dengan penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu bertarikh 22 Feb. 1303M. Pemerintahan Islam bermula di Tanah Melayu dengan tertegaknya kesultanan Melayu Melaka pada 1414M yang menjadikan Islam sebagai agama negara. Begitu juga seperti yang diketahui umum berdasarkan fakta sejarah bahawa perundangan di Tanah Melayu sebelum kolonial juga berasaskan Islam seperti Hukum kanun Melaka dan Undang-Undang 99 (al-Bakri, 2010:21).

Pengaruh Islam di Tanah Melayu juga membawa masuk kalimah-kalimah Arab ke dalam Bahasa Melayu. Peristilahan-peristilahan Arab digunakan dengan meluas dalam Bahasa Melayu seperti nama-nama hari dan lain-lain. Tulisan jawi juga lambang pengaruh Islam yang kuat kepada umat Melayu. Bahasa Melayu itu lahir daripada rahim agama Islam. Perlembagaan dalam perkara 160 (2) menetapkan orang Melayu mestilah beragama Islam. Oleh itu, kerana kalimah “Allah” adalah istilah yang telah diserap dalam Bahasa Melayu maka ia hendaklah difahami mengikut bangsa Melayu yang berasaskan agama Islam.

Dengan sebab itu jika diberi ruang agama lain menggunakan kalimah “Allah”, ianya akan mengubah maksud asal kalimah “Allah” menurut bahasa Melayu.(Perlembagaan Persekutuan, 2003:238).

Justeru, jika dibenarkan kepada Kristian menggunakan Kalimah “Allah” maka makna asal “Allah” dalam Kamus Dewan Bahasa Pustaka (iaitu Tuhan Yang Maha Esa) terpaksa ditukar kepada Tuhan Yesus/ Tuhan Berhala/ Tuhan Baba/ Tiga Tuhan Bersatu (Trinititi). Tidakkah ini mencelaruhan bahasa Melayu dan Agama Islam.

Prof. Syed Mohd Naquib al-Attas menyebut: Bahasa membayangkan hakikat kewujudan. “Menyeludupkan kefahaman-kefahaman kunci yang asing pada sesuatu bahasa melibatkan bukan semata-mata hanya menterjemahkan kata-kata, bahkan lebih mendalam kesannya, ia juga melibatkan penterjemahan rupa cipta perlambangan yang dimiliki oleh sistem besar pandangan alam asing yang tiada bersesuaian dengan pandangan alam yang ditayangkan oleh bahasa yang ke dalamnya faham-faham itu diseludupkan.” (al-Bakri, 2010:21)

DARIPADA SUDUT ‘URUF

‘Uruf pada bahasa ialah:

مَا تَعْرِفُهُ النَّفُوسُ مِنَ الْخَيْرِ وَتَأْنَسُ إِلَيْهِ

Maksudnya: *Perkara kebaikan yang diterima dan dirasa senang oleh perasaan-perasaan manusia.*

‘Uruf pada istilah fiqh ialah:

عَادَةٌ جُمُهُورٍ قَوْمٍ فِي قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ

Maksudnya: *Amalan atau percakapan sesuatu kaum yang menjadi kebiasaan mereka.*

Daripada definisi ini dapat difahami bahawa ‘uruf atau adat kebiasaan tidak wujud melainkan apabila ‘uruf itu benar-benar berlaku di antara manusia di tempat tertentu, ataupun biasa berlaku di mana sebahagian besar penduduk mengerjakan ‘uruf ini dan mematuhiinya sebagaimana kebiasaan orang sekarang. (Zaidan, 1993:250)

Sebagai contoh, di negara Syria bahawa mahar yang disebut dalam akad nikah untuk perempuan, dua pertiga daripadanya diserahkan dengan segera sedangkan yang satu pertiga lagi ditangguhkan setelah wafat atau bercerai. Maka wajib wujud kebiasaan bersama antara kebanyakan rakyat dalam pembentukan *'uruf* dan ini tidak terjadi melainkan dalam keadaan terus-menerus atau paling sedikit telah berulang-ulang. Jika tidak, bererti ia hanya merupakan tindakan peribadi yang bukan *'uruf*.

DALIL-DALIL SYARA' BERKAITAN PENGAMBILAN *'URUF*

Ulama' berdalil mengenai kedudukan *'uruf* dalam pembinaan hukum-hukum fiqh berasaskan *athar* yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad Ibn Hanbal yang diucapkan oleh Abdullah Ibn Mas'ud: *Apakah yang dipandang kaum Muslimin baik, maka di sisi Allah adalah baik. Apa yang dipandang oleh kaum Muslimin jelek, maka di sisi Allah adalah jelek.*

Fuqaha' secara umum dan ulama'-ulama' Mazhab Hanafi khususnya, memakai *'uruf* sebagai timbangan yang cukup besar dalam penetapan hak-hak atau penafiannya di kalangan orang ramai pada pelbagai segi sama ada dari sudut muamalat dan bentuk-bentuk urusan (*tasharruf*). Bahkan mereka menganggap *'uruf* dan adat sebagai asas yang penting dan sumber yang luas.

Di dalam kaedah Fiqhiyyah menyebut *العادة المحكّمة*, iaitu "*Adat sebagai hukum.*" Dalam *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah* (hal. 219) oleh Syeikh Ahmad al-Zarqa' menyebut: "*Adat yang umum atau khusus menjadi hukum bagi mensabitkan hukum syar'ie yang tiada nas atas khilaf dengan khususnya itu.*" Jika tiada nas yang menyalahinya pada asal atau ada tetapi bersifat umum, maka adat tersebut boleh dii'tibar mengikut penerangannya. Asal kaedah ini ialah ucapan Ibn Mas'ud: "*Apa yang orang Islam melihat kebaikan maka ia dianggap baik di sisi Allah dan apa yang mereka lihat keburukan maka ia dianggap buruk di sisi Allah.*" (al-Zarqa, T.T: 219)

Di sini dinyatakan bahawa *'uruf balad* (setempat atau negeri tertentu) juga boleh diambil kira sebagai perundangan yang sewajarnya diterima pakai.

PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH S.W.T BERDASARKAN URUF MASYARAKAT ISLAM MALAYSIA

Di negara Malaysia dan seluruh dunia, secara umum dan khususnya, perkataan dan penggunaan kalimah suci Allah S.W.T adalah secara automatik terus merujuk kepada agama Islam. Apabila disebut agama Islam, maka difahamilah bahawa kalimah suci Allah SWT adalah hak mutlak umat Islam sama ada dari segi pengtauhidan, penggunaan, pengamalan, penghayatan, perubatan, pembelajaran, perhiasan dan lain-lain lagi, yang mana kesemuanya ini akan dibawa dan dilaksanakan oleh umat Islam dalam kehidupan harian mereka, khususnya di dalam ibadat.

Uruf di negara Malaysia secara rasminya telah membuktikan bahawasanya kalimah Allah SWT adalah merujuk kepada agama Islam dan tidak merujuk kepada agama lain khususnya agama Kristian. Oleh itu, penggunaan kalimah Allah SWT hanyalah untuk umat Islam sahaja.

Keadaan Uruf di negara Malaysia bahawasanya kalimah Allah SWT merujuk kepada agama Islam serta kepenggunaannya oleh Umat Islam adalah berdasarkan kepada beberapa perkara dan contoh berikut:

- Sudah menjadi kelaziman, kebanyakan rumah masyarakat Islam di Malaysia, mereka akan menghias rumah mereka dengan mengantung kalimah suci Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, manakala masyarakat Kristian tidak melakukannya.
- Masjid dan Surau sebagai rumah ibadat umat Islam dihiasi dengan ayat dan perkataan suci Allah SWT, manakala masyarakat Kristian tidak melakukan di rumah ibadatnya.
- Sebahagian daripada kenderaan umat Islam seperti kereta dan MPV, akan mengantung atau melekatkan sticker yang tertera kalimah suci Allah SWT dan nabi Muhammad SAW, manakala masyarakat Kristian atau agama lain tidak sekali-kali mahu melakukannya.
- Restoran dan Kedai-kedai Makan akan menghias premies mereka dengan mengantung kalimah suci Allah SWT dan nabi Muhammad SAW bagi menarik pelanggan bahawasanya premies mereka adalah premies Islam.
- Namun apa yang paling hebat dan bukti yang paling nyata adalah; apabila terdapat restoran dan kedai-kedai makan milik bukan Islam yang mahu menarik pelanggan yang beragama Islam, mereka

akan menipu dengan cara menghias premies mereka melalui pengantungan kalimah suci Allah SWT dan nabi Muhammad SAW bagi menunjukkan bahawa premies mereka adalah milik orang Islam, makanan yang dijual mereka adalah halal, manakala pekerja mereka adalah terdiri dari umat Islam. Walaupun pada hakikatnya mereka bukan Islam. Lihat disini betapa besarnya pengaruh kalimah suci Allah SWT menunjukkan ia-Nya merujuk kepada agama Islam dan Umat Islam dan bukannya kepada penganut agama Kristian.

KAJIAN DI DALAM KITAB BIBLE

“Di dalam *Kitab Bible*, agama Kristian tidak menggunakan perkataan Allah, sebaliknya mereka menggunakan perkataan *God*, *Jesus* dan *Lord*. Namun, kalau kita merujuk pula dalam al-Quran, kalimah Allah digunakan dalam setiap muka surat.” Dalam konteks masyarakat di Malaysia, suasana dan keadaan setempat perlu diambil kira demi kepentingan awam bagi memelihara keharmonian pelbagai kaum dan agama. Setiap warganegara Malaysia wajib memelihara suasana dan keadaan ini.

Sekalipun ada yang berhujah dengan menyatakan bahawa kalimah Allah terdapat di dalam Bible terjemahan bahasa Arab, namun ia tidak boleh dijadikan hujah dan sandaran untuk mengharuskan penggunaan lafaz suci ini di kalangan orang-orang Kristian. Ini adalah kerana perkataan Allah itu sendiri tidak pernah terdapat di dalam bahasa asal penulisan Bible. Sebaliknya perkataan yang digunakan bagi merujuk kepada maksud Tuhan di dalam bahasa Hebrew ialah *El*. (al-Bakri, 2010:25)

Ini dapat diperhatikan menerusi dalil-dalil dari kitab Bible pelbagai bahasa yang tetap mengekalkan kalimah *El*.

Bible Melayu:

Al-Kitab Berita Baik Perjanjian Baru, buku Perjanjian Baru, Markus 27: 46 menyatakan:

“Kira-kira jam tiga berserulah Yesus dengan suara nyaring: “Eli, Eli lama sabaktani?”

Bible Inggeris:

Holy Bible, The Gideons International, Matthew 27: 46 menyatakan:

“And about the ninth hour Jesus cried out with a loud voice, saying, “Eli, Eli, lama sabachtani?” That is, “My God, My God, why have You forsaken Me?”

Bible Arab:

Al-Kitab al-Muqaddas, A‘had al-Jadid, Injil Matta 27: 46 menyatakan:

ونحو السّاعة التّاسعة صرخ يسوع بصوت عظيم قائلاً : الي الي لما
شبقنتني؟ أي : الهي الهي لماذا تركتني؟

Ketiga-tiga dalil dari kitab Bible dalam bahasa Melayu, English dan Arab ini membawa maksud dan erti : “Allah-ku, Allah-ku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?”. (al-Bakri, 2010:25)

Berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan ini, jelaslah bahawa kalimah Allah tidak pernah terdapat di dalam bahasa asal Bible dan tidak wajar sama sekali digunakan lebih-lebih lagi ia menyalahi ‘uruf dan waqi’ di Malaysia.

Penulis turut menukilkan sebahagian pendapat dan penegasan Ibn Qayyim al-Jauziyah menerusi kitabnya *Hidayatul Hayari Fi Ajwibatil Yahud wa al-Nasara* terhadap ciri-ciri Allah bagi agama Islam berbanding Kristian sebagai menjelaskan lagi perbezaan maksud lafaz Allah bagi kedua-dua agama ini; iaitu: (al-Jauziyah, 1999: 77)

- Sesungguhnya Allah SWT adalah satu, tidak mempunyai sekutu dalam kerajaan-Nya, tidak ada bandingan yang setara dengan-Nya, tidak ada pengawal, tidak ada penasihat, tidak ada penolong dan tidak ada pemberi syafaat kecuali dengan izin-Nya.
- Dia tidak mempunyai bapa, anak, keturunan, isteri dan tidak mempunyai kesamaan dengan selain-Nya.
- Dia Maha Kaya dengan zat-Nya, tidak makan, tidak minum dan tidak memerlukan apa yang diperlukan oleh makhluk.
- Zat-Nya tidak bersatu dengan makhluk-Nya dan tiada makhluk yang menyatu ke dalam zat-Nya.
- Dia Maha Ada, tidak pernah hilang dan tidak pernah mewakilkan urusan kerajaan-Nya kepada selain dari-Nya.
- Dia Maha Sempurna dan hanya Dia yang memiliki kesempurnaan.

Daripada Logik Akal:

Penggunaan kalimah Allah oleh agama lain tidak boleh dibenarkan sama sekali kerana ia akan menyebabkan kekeliruan di kalangan umat Islam, biar pun dari segi hukum membenarkan agama ‘*samawi*’ seperti Kristian dan Yahudi menggunakan kalimah itu tetapi dibimbangi ia disalah gunakan pihak tertentu.

Begitu juga dibimbangi berlaku *lahn* (kesilapan sebutan). Dr. Bakar bin Abdullah Abu Zid dalam bukunya, “*Mu’jam al-Manahi al-Lafziyyah*” berkata: Antara kesilapan dengan memanjangkan Alif pada nama Allah dan ini merupakan *lahn* bagi orang Arab. Abu al-Fath Abdul Wahid bin al-Husain al-Maghribi berkata: Tambahan pada *huruf mad* dan *lin* lebih daripada kadarnya dianggap sebagai kesilapan dan kesalahan.” (Abu Zid,1996: 51)

Penggunaan kalimah Allah dibolehkan tetapi bimbang disalah guna. Oleh itu, lebih baik kita berhenti daripada membenarkan agama lain menggunakan kalimah Allah.

Lafaz Allah dalam agama Islam dan Kristian adalah jelas berbeza. Justeru, sewajarnya kalimah ini tidak dibenarkan penggunaannya di kalangan orang-orang Kristian. Ini dapat diperhatikan menerusi dalil-dalil penggunaan kalimah Allah menerusi Kitab Bible mereka yang mana telah menyekutukan Allah S.W.T dan bertentangan dengan ajaran agama Islam seperti:

- “*Engkau adalah Messias anak Allah yang hidup*” (Matius 16: 16)
- “*Kerana ia telah berkata: Aku adalah anak Allah.*” (Matius 27: 43)
- “*Kasih kurnia menyertai kamu dan damai sejahtera dari Allah, bapa kita dan dari Tuhan Yesus (Jesus) Kristus.* (Galatia 1: 3)
- *Kata Jesus kepadanya: “Janganlah engkau memegang aku, sebab aku belum pergi kepada Bapa, tetapi pergilah kepada saudara-saudara-Ku dan katakanlah kepada mereka bahawa sekarang Aku akan pergi kepada Bapaku dan Bapamu, Allahku dan Allahmu.”* (Yohanes 20: 17)

Lafaz Allah yang hendak digunakan adalah membawa konsep Trinititi yang amat berbeza dengan keEsaan yang diyakini oleh Muslim. Dan seperti yang dinyatakan oleh sejarah, konsep trinititi ini sebenarnya baru dirumuskan pada abad ke-4 dalam suatu Konsili di Nicea. Konsili yang disertai oleh para uskup, teologi kenamaan dan sarjana Gereja

ini telah bersetuju untuk menerima konsep Trinititi. Menurut Syeikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi, kata-kata ini diucapkan oleh orang-orang Kristian setelah tiga ratus tahun kewafatan Nabi Isa AS. (Al-Sya'rawi, 1987 : 443)

Lafaz Allah yang digunakan dalam konsep Trinititi merupakan satu penghinaan buat umat Islam dan ia merupakan penyelewengan yang sangat nyata bertentangan ajaran agama Islam yang dibawa oleh Nabi Isa A.S. Bagi memperkukuhkan dakwaan tersebut, penulis menukikan pengakuan-pengakuan penganut Kristian sendiri yang menolak idea ini.

D. Salm Hill, seorang penganut Kristian berkata "*The story of my becoming a Muslim. I have been asked by several non-Muslim why, if I believe to the existence of Jesus Christ, and that also preached Gods message, why then did I turn from Christianity to Islam? My one answer is that I could not believe in the Trinity, I could not believe in the Resurrection, I could not feel sure that Christ died on the cross for the sins of humanity*".

Maksudnya: "Kisah tentang kenapa aku menjadi seorang Islam bermula dari pertanyaan beberapa tokoh orang bukan Islam yang dilontarkan kepadaku. Jika aku percayakan kepada Yesus Kristus mengenai firman Tuhan, mengapa aku meninggalkan agama Kristian beralih kepada Islam? Satu-satunya jawapanku ialah: Aku tidak dapat menerima Trinititi, aku tidak mempercayai kebangkitan Yesus, aku tidak dapat menerima kepercayaan bahawa Yesus mati di tiang salib untuk menebus dosa manusia)." (al-Bakri, 2010:28)

Demikian pula Dr. Ali Selmen Benoit menolak dogma Trinititi. Dalam sebuah buku berjudul "*Why I Embraced Islam*". Ia memberikan pengakuan seperti berikut:

"As a doctor of medicine, and descendand of French Catholic family, the very choice of my profession has given me a solid scientific culture which had prepared me very little for mystic life. Not that I did not believe in God, but that dogmas and rites of Christianity in general and of Catholicism in particular never permitted me to feel His presence, thus my unitary sentiment for God forbade me accepting the dogma of Trinity, and consequence of Divinity of Jesus Christ."

Maksudnya: “Aku adalah seorang doktor perubatan yang berasal dari keluarga Katholik Perancis. Pekerjaan yang aku pilih ini telah memberi aku budaya saintifik yang kukuh tetapi tidak menyediakan asas dalam bidang kerohanian. Ini tidak bererti bahawa aku tidak percaya kepada Tuhan. Yang aku maksudkan ialah kerana dogma-dogma dan peribadatan Kristian, khususnya Katholik, tidak membangkitkan pengertian dalam jiwaku atas adanya Tuhan. Kerana itu maka naluriku atas Esa-Nya Tuhan telah menjadikan penghalang antara aku dan kepercayaan Trinita dan dengan sendirinya juga atas ketuhanan Yesus Kristus.” (al-Bakri, 2010:29)

Biarawati bernama Karen Armstrong melalui bukunya yang berjudul “*Sejarah Tuhan*” menyatakan ketidaksetujuannya dengan dogma Trinita. Ia mengatakan “*Apakah perjanjian baru benar-benar doktrin Trinita yang rumit dan sangat kontradiktif itu, atau sebagaimana aspek keimanan lainnya, merupakan hasil perubatan para theologi berabad-abad setelah wafatnya Yesus di Jerussalem?*” (Armstrong:18-19)

Berdasarkan logik yang telah dinyatakan di atas, jelaslah kalimah Allah ini sewajarnya dipelihara kesuciannya dari sebarang bentuk penyalahgunaan yang boleh membawa kepada kekeliruan serta ancaman terhadap keharmonian antara penganut agama khususnya di negara ini.

KALIMAH ALLAH SWT DARI SUDUT PERLEMBAGAAN, PERUNDANGAN DAN FATWA

Penjelasan kalimah Allah SWT dari sudut perlembagaan, perundangan dan fatwa ini dibahagikan kepada tiga:

Pertama: Perlembagaan Malaysia dan Enakmen

Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang melarang penggunaan kalimah Allah. Antaranya:

- Dalam jadual kepada Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam kecuali Sabah, Sarawak, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan yang masih dalam proses penggumbalan enakmen ini.

- Artikel 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Islam ialah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. (Perlembagaan Persekutuan, 2003:2)
- Artikel 3 (2) Perlembagaan Persekutuan. Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercatat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya (Perlembagaan Persekutuan, 2003:2).
- Artikel 3 (5) Perlembagaan Persekutuan. Walau apapun jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam. (Perlembagaan Persekutuan, 2003:3)
- Perkara 37 (1): Sumpah jawatan bagi Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong hendaklah sebelum menjalankan fungsinya mengangkat dan menandatangani sumpah jawatan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Keempat di hadapan Majlis Raja-Raja dan dengan kehadiran Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan (atau semasa ketiadaannya dengan kehadiran hakim Mahkamah Persekutuan yang kanan selepasnya yang ada); dan sumpah itu hendaklah diakusaksikan oleh dua orang yang dilantik bagi maksud itu oleh Majlis Raja-Raja (Perlembagaan Persekutuan, 2003:43).

Y. Bhg Tuan Hj. Mahamad Naser bin Disa, dari Jabatan Peguam Negara ketika membentangkan Kertas Kerja *Penggunaan Nama Allah dari Aspek Perundangan* mengulas berkenaan dengan sumpah Yang di-Pertuan Agong yang menggunakan perkataan *والله، وبالله، وتالله* di mana jelas menunjukkan penggunaan kalimah Allah ketika majlis rasmi lagi bersejarah apabila mengangkat sumpah.

Kedua: Perundangan Islam

Kitab *Ahkam al-Zimmiyyin wa al-Musta'minin fi Dar al-Islam* hasil karya Dr. Abdul Karim Zaidan menyebut: Antara kewajipan mereka ialah mereka hendaklah menahan daripada mencetuskan kemarahan dan tidak puas hati terhadap orang Islam serta mengurangkan atau menghina agama mereka seperti *zikkullah* (sebutan Allah SWT) kitab-Nya, Rasul-Nya atau agama-Nya dengan jahat. Ini kerana perbuatan ini menzahirkan penghinaan terhadap umat Islam, akidah mereka dan menghina pada Islam yang tertegaknya daulah Islamiyyah (Zaidan, 1408H :171).

Kitab *Ahlu al-Zimma wa al-Wilayat 'Ammah fi al-Fiqh al-Islami* oleh Namir Muhammad al-Khalil al-Namir menyebut berkenaan kewajipan *ahlu zimma* dengan syarat yang wajib dan syarat yang sunat. Kemudian beliau menukilkan pendapat al-Mawardi yang membahagikan syarat kepada yang wajib dan sunat. Antaranya: Jangan mereka perdengarkan suara loceng atau *naqus* mereka, bacaan kitab dan ucapan mereka berkenaan Uzair dan al-Masih. Syarat ini dikenali dengan *Syurut Umariah* dinisbahkan kepada Sayidina Umar yang melaksanakan syarat tersebut. (al-Namir, 1409H: 124)

Ketiga: Fatwa

Di dalam hujah ke-9, Majlis Fatwa menyebut: “Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Agama bukan Islam” ini melibatkan isu berkaitan *Siyasah Syari'yyah* dan kerajaan wajib menjaga kesucian agama dan umat Islam.

Bil. Muzakarah Kali ke-82 bertarikh 5-7 Mei 2008 memutuskan bahawa pertimbangan jawatankuasa dalam melarang penggunaan kalimah Allah oleh agama bukan Islam bukan hanya dilihat dari aspek keselamatan, tetapi faktor utama adalah berasaskan kepada akidah dan kesucian agama Islam (al-Bakri, 2010:33).

Oleh itu, wajib bagi umat Islam menjaganya dengan cara yang terbaik dan sekiranya terdapat unsur-unsur penghinaan atau

penyalahgunaan terhadap kalimah tersebut, maka ia perlu disekat mengikut peruntukan undang-undang yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

USUL YANG DISEPAKATI OLEH SEMUA NABI BERKENAAN DENGAN ALLAH JALLA WA 'ALA

Mengikut Dr. Said Abdul Azim dalam bukunya *قل يا أهل الكتاب لستم* على شيء (Said, T.t: 49-52) menyebutkan berkenaan usul yang disepakati ini:

- i. Bahawa Allah bersifat *qadim*, *wahdaniyyah* tanpa sekutu pada kerajaan-Nya.
- ii. Bahawa Dia tiada bapa, tiada seumpamanya, tiada isteri dan tiada menyamai dengan sekalian makhluk-Nya.
- iii. Bahawa Dia Maha Kaya dengan zat-Nya, tidak makan, tidak minum dan tidak berhajat kepada makhluk.
- iv. Bahawa Dia tidak berubah dan tidak menerima kebinasaan seperti tua, sakit, mengantuk, tidur, lupa, sesal, takut, dukacita dan lain-lain.
- v. Bahawa Dia tidak serupa sesuatupun daripada makhluk sama ada pada zat, sifat dan perbuatan-Nya.
- vi. Bahawa Dia tidak mengambil tempat pada sesuatupun daripada makhluk-Nya.
- vii. Bahawa Dia lebih agung dari sesuatu, lebih besar dari sesuatu, Maha Tinggi daripada sesuatu.
- viii. Bahawa Dia Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.
- ix. Bahawa Dia Maha Mengetahui dengan setiap sesuatu sama ada tersembunyi atau yang terang.
- x. Bahawa Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.
- xi. Bahawa Dia Maha Penyaksi yang tiada ghaib sesuatupun daripada-Nya.
- xii. Bahawa Dia bersifat abadi lagi kekal selama-lamanya.
- xiii. Bahawa Dia berkata-kata sama ada arahan atau larangan.
- xiv. Bahawa Dia Maha Benar pada janji dan khabar-Nya.
- xv. Bahawa Dia bersifat *samad* di mana semua makhluk berhajat kepada-Nya.

- xvi. Bahawa Dia bersifat Maha Suci, Maha Sejahtera yang terlepas dari sebarang aib dan kekurangan.
- xvii. Bahawa Dia bersifat Maha Sempurna dengan kesempurnaan yang mutlak.
- xviii. Bahawa Dia Maha Adil yang sekali-kali tidak menzalimi kepada hamba-Nya.

Ibn Qayyim berkata: “Ini ialah perkara yang disepakati oleh semua kitab dan Rasul dan ia sebagai satu ketetapan yang tidak harus datang syariat yang menyalahinya. Begitu juga yang dikhabarkan oleh Nabi SAW menyalahinya pada asal, sedangkan golongan penyembah salib meninggalkan konsep Trinitinya semuanya, di samping berpegang dengan perkara yang menjadi *syubhah* daripada makna dan yang *mujmal* daripada lafaz” (al-Jauziyah, 1999: 78).

Benarlah firman Allah SWT:

قَدْ ضَلُّوا مِنْ قَبْلُ وَأَضَلُّوا كَثِيرًا وَضَلُّوا عَنْ سَوَاءِ السَّبِيلِ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu menurut hawa nafsu suatu kaum yang telah sesat sebelum ini dan telah menyesatkan banyak manusia, dan juga (sekarang) mereka telah tersesat (jauh) dari jalan yang betul”.*

(Surah al-Maidah: 77)

Usul Trinitinya atau tiga dalam satu dan ucapan mereka terhadap Tuhan Rabb al-Alamin menyalahi semuanya ini dengan amat nyata dan jelas.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Setelah penulis meneliti dan mengamati kaedah bahasa, uruf, logik akal, fatwa, perundangan pandangan dan pendapat para ulama dan lain-lain, maka dapat dikemukakan kesimpulan, cadangan dan saranan untuk diperhalusi seterusnya diaplikasikan dalam menangani isu penggunaan kalimah Allah ini, antaranya:

- Hanya umat Islam sahaja dibenarkan menggunakan kalimah Allah SWT, manakala bukan Islam adalah tidak dibenarkan dan dilarang

khususnya kebenaran penggunaan untuk pihak gereja yang boleh menyalahgunakan kalimah suci Allah SWT dan seterusnya menyeleweng maksudnya (trinititi) dan menyebarkannya semula kepada Umat Islam dan bukan Islam. Saranan ini adalah berdasarkan maslahat umat Islam. Pengecualian bukan Islam menggunakan kalimah Allah SWT dibenarkan jika bukan Islam mahu meninggalkan agama mereka dan menganut serta memeluk agama Islam bagi tujuan mengesakan Allah SWT dan bukan untuk menyekutukan dan mentrinitikan Allah S.W.T. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

قُلْ يٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَآبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍ بَيْنِنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ أَشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai ahli kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun, dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah. Kemudian jika mereka (ahli kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam.”*

(Surah ali-Imran: 64)

- Majlis Fatwa Kebangsaan hendaklah segera bermesyuarat (mesyuarat telah diadakan semasa artikel ini diterbitkan), memberi fatwa dan membuat keputusan tentang penggunaan kalimah Allah. Kita tidak mahu ada di kalangan kita mengeluarkan pendapat yang berbeza, apatah lagi di kalangan individu dan kumpulan tertentu yang sentiasa membuat kenyataan yang bersifat *populis* tanpa mengambil kira kesannya terhadap agama Islam dan masa depan umat Islam di negara ini. Setelah fatwa tersebut dibuat, maka semua pihak berkuasa Islam negeri hendaklah segera *menggazetkan* fatwa tersebut.

- Kerajaan Persekutuan hendaklah segera menggubal dan melaksanakan undang-undang Akta Sekatan Pengembangan dan Dakyah Agama Lain ke atas orang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak kerana negeri-negeri lain telah lama melaksanakannya, tetapi mengapa empat buah negeri ini masih belum menggubalnya. Sekiranya akta tersebut wujud, sudah tentu keadaan akan berbeza kerana ia akan menjadi suatu kesalahan jenayah untuk menggunakan perkataan “ALLAH” untuk tujuan selain Islam sebagaimana yang diperuntukkan di negeri-negeri lain.
- Pihak berkuasa agama, majlis agama, para mufti dan badan dakwah seperti YADIM dan pihak-pihak lain hendaklah segera turun padang dan mengadakan pertemuan dan berdialog dengan golongan Kristian ini untuk mencari jalan penyelesaian yang boleh disepakati. Kegagalan pihak-pihak ini mengambil tindakan segera dengan mengadakan pertemuan dan berdialog dengan pihak kristian ini telah menyebabkan keketekan kefahaman mereka terhadap Islam.
- Para ulama’, umara’ dan pihak autoriti agama harus meningkatkan keprihatinan dan se’ia sekata dalam menghadapi tribulasi aqidah. Ini kerana fitnah aqidah adalah fitnah yang paling besar mendatangkan *mafsadah*. Jika ia tidak ditelesuri dengan berhikmah, ia berupaya menjejaskan kepentingan Muslim dan bukan Muslim.
- Kerjasama yang erat di antara pihak keselamatan, pihak autoriti agama dan masyarakat dalam membendung gejala radikal dan terrorisme agama. Kekuatan perundangan yang sedia ada semestinya bukan hanya tertumpu kepada ekstremis Muslim sahaja, bahkan turut mengambil kira dari pelbagai rumpun agama.

PENUTUP

Maha suci Allah yang tiada tuhan yang berhak disembah melainkannya, Maha suci Allah, sesungguhnya Allah SWT bersifat yang satu, tiada sekutu baginya, tiada trinitinya, tiada bapa dan anak baginya. Allah SWT adalah Tuhan untuk seluruh makhluk di dunia dan semesta alam.

Firman Allah SWT:

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهَبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا ۗ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحٰنَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: Mereka menjadikan pendita-pendita dan ahli-ahli agama mereka sebagai pendidik-pendidik selain dari Allah, dan juga (mereka mempertuhankan) al-Masih Ibn Maryam, padahal mereka tidak diperintahkan melainkan untuk menyembah Tuhan yang Maha Esa, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Maha Suci Allah dari apa yang mereka sekutukan.

(Surah al-Taubah: 31)

Di dalam *al-Fatawa al-Kubra*, Syeikh Muhammad Mutawalli Sya'rawi menyebut bahawa lafaz Allah mempunyai makna yang satu pada setiap akal sekalipun terdapat kepelbagaian bahasa manusia. Hal ini telah dinaskan dalam firman Allah SWT:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِن بَنِي آدَمَ مِمَّن ظَهَّرِهِمُ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيٰمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هٰذَا غٰفِلِينَ ﴿١٧٢﴾ أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ آبَاؤُنَا مِن قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّن بَعْدِهِمْ ۖ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

Maksudnya: Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya dengan firman-Nya): Bukankah Aku Tuhan kamu? Mereka semua menjawab: Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari Kiamat kelak: Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini. Atau supaya kamu tidak mengatakan: Sesungguhnya ibu bapa kamilah yang melakukan syirik dahulu sedang kami ialah keturunan (mereka) yang datang kemudian daripada mereka. Oleh itu, patutkah Engkau (wahai Tuhan kami) hendak

membinasakan kami disebabkan perbuatan orang-orang yang sesat itu?

(Surah al-A'raf: 172-173)

Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa Allah telah mengambil perjanjian dengan anak Adam sejak dahulu lagi tentang sifat ketuhanannya yang Esa lagi Perkasa, melarang mereka daripada berkata pada hari Kiamat: Sesungguhnya kami lalai dari fitrah Allah yang kami saksikannya. Di sini jelas menunjukkan bahawa nama Allah wujud sebelum terdapatnya manusia dan dari sini juga akal dan hati dengan keyakinan fitrah sepenuhnya percaya kewujudan Allah. Inilah dia makrifah dengan Allah yang bersifat Maha Pencipta lagi Maha Agung (Al-Sya'rawi,1987 : 444).

RUJUKAN

- Abdul Azim, Sa'd. T.t. *قل يا أهل الكتاب لستم على شيء*. Mesir: Dar al-Iman.
- _____. T.t. *I'tiqad al-Nasara fi al-Masih*. Mesir: Dar al-Iman.
- _____. T.t. *Ikhtilaf al-Nasara fi Ma'budiha wa Nabiiyuha wa Dinuha*. Mesir: Dar al-Iman.
- Ahmad, Md Asham. 2010. *Antara Nama dan Hakikat Kemelut Kalimah Allah*. Institut Kefahaman Islam IKIM. Cet. 1.
- Al-Alusi, Mahmud. 1999. *Tafsir Ruh al-Ma'ani*. Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Bakri, Zulkifli. 2010. *Keabsahan Penggunaan Nama Allah SWT Hanya Untuk Orang Islam*. JAKIM. Cet. 1.
- Al-Bakri, Zulkifli, Al-Rashid, Rashidy Jamil, 2010. *Isu Kalimah Allah SWT Hukum penggunaannya Bagi Buka Islam*. Cet. 1.
- Al-Ghari, Zamihan Mat Zin. 2010. *Kertas Kerja "Hikmah di Sebalik Isu Kalimah Allah."* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Kitab Berita Baik, *The Bible Society Of Malaysia*, Edisi Ke 2.

- Al-Kitab al-Muqaddas. 2002. *Arabic New Van Dyck Bible*. 2004. *The Bible Society Of Egypt*
- Al-Mawardi, Abi al-Hasan. 1992. *al-Nukat wa al-'Uyun*. Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.
- Al-Maraghi, Ahmad Mustafa. 2001. *Tafsir al-Maraghi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qurtubi, Abu Abdillah. 2001. *Mukhtasar Tafsir al-Qurtubi*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- Al-Qutub, Syed. 2000. *Fi Zilal al-Quran (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Al-Qarni, Dr. Aidh bin Abdullah. 2006. *Kitab al-'Azamah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Al-Zarqa, Syeikh Ahmad.T.t. *Syarah al-Qawaid al-Fiqhiyyah*.
- Abu Zid, Dr. Bakar bin Abdullah. 1996. *Mu'jam al-Manahi al-Lafziyyah*. Riyadh: Dar al-Asimah. Cet. 3.
- Al-Zuhaili, Dr. Wahbah. 2008. *Usul al-Iman wa al-Islam*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Al-Jauziah, Ibn Qayyim. 1999. *Hidayatul Hayaro fi Ajwibatil Yahud wa al-Nasara*. Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Syafie, Muhammad al-Amin bin Abdullah al-'Urawi al-'Alawi al-Harari. 2008. *Tafsir Hadaiq al-Rauh wa al-Raihan*. Dar al-Minhaji. Cet. 3.
- Al-Nablusi, Muhammad Ratib. 2008. *Mausu'ah Asma' Allah al-Husna*. Dar al-Maktabi.
- Al-Namir, Namir Muhammad al-Khalil. 1409H. *Ahlu al-Zimmah wa al-Wilayat 'Ammah fi al-Fiqh al-Islami*. Amman: Al-Maktabah al-Islamiyyah,
- Al-Zarqa, Syeikh Ahmad. 2001. *Syarah al-Qawaid Fiqhiyyah*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cet. 6.
- Al-Sya'rawi, Syeikh Muhammad Mutawalli. 1987. *al-Fatawa al-Kubra*. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.

- Deedat, Ahmed. 1999M. *The Choice*. Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Desa, Mahamad Naser. 2010. *Kertas Kerja "Penggunaan Nama Allah dari Aspek Perundangan."* Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ibnu Kathir, Abi al-Fida' Ismail. 2004. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Riyadh: Dar al-Salam. Cet. 6.
- Karen Armstrong. T,t. *Sejarah Tuhan*.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 2003. *Perlembagaan Persekutuan*. International Law Book Services. Percetakan Ihsan.
- Radmacher Earl D., Ron Allen & H. Wayne House. (Ed.) 2004. *Compact Bible Commentary*.
- Sirajuddin, Abdullah. 2000. *Haula Tafsir Surah al-Fatihah*. Maktabah Dar al-Falah. Cet. 1.: 21)
- Zaidan, Dr. Abdul Karim. 1408H. *Ahkam al-Zimmiyyin wa al-Musta'minin fi Dar al-Islam*. Cetakan Ke-2. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- _____. 2003. *Al-Wajiz Fi Usul al-fiqh*. Dar al-Tauziki Wa-anshru al-Islamiyyah.